

30/07/2001

Malaysia pusat equestrian dunia

Kadir Dikoh

SELEPAS berjaya menjadi tuan rumah sukan bermotor bertaraf dunia, Formula Satu (F1), kerajaan kini mahu menjadikan Malaysia sebagai pusat sukan equestrian.

Sehubungan itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata satu trek untuk acara endurance atau lumba kuda tahan lasak akan dibina supaya sukan itu dapat dipopularkan di negara ini.

Malah, kata Perdana Menteri, sudah ada rakyat negara ini menjuarai acara endurance.

Beliau mencadangkan Tenaga Nasional Bhd (TNB) menjadikan kawasan di bawah talian elektrik sebagai trek untuk acara sukan itu.

"Dengan adanya trek itu nanti, Malaysia akan dapat menganjurkan acara endurance peringkat dunia dan saya percaya kalau dilatih dari kecil, mereka (rakyat tempatan) mempunyai potensi untuk memenangi perlumbaan peringkat antarabangsa," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyaksikan acara showjumping pada kejohanan Equestrian Antarabangsa TNB 2001 di Kelab Polo dan Menunggang Kuda Selangor di Jalan Ampang Hilir, semalam.

Berbeza dengan acara equestrian biasa, endurance equestrian meliputi jarak yang lebih jauh. Tahun lalu, peserta Malaysia Datuk Kamaruddin Abdul Ghani memenangi acara endurance sejauh 160 kilometer di Melbourne, Australia.

Kamaruddin adalah ekuin berpengalaman di peringkat antarabangsa dan beberapa kali menyertai kejohanan dunia.

Pada Sukan Sea 2001 ini pula, tiga acara yang sudah diluluskan untuk equestrian ialah showjumping, dressage dan gabungan meliputi acara dressage, showjumping dan cross-country.

Acara equestrian tidak diadakan pada temasya 1997 di Jakarta dan 1999 di Brunei.

Dr Mahathir berkata acara endurance wajar dianjurkan di negara ini kerana Malaysia mempunyai peserta bertaraf dunia dalam acara ini, dan minat orang ramai juga semakin meningkat dalam sukan lumba berkuda.

Beliau berkata dunia juga mengiktiraf Malaysia dalam equestrian kerana ramai peserta luar negara termasuk dari Eropah mengambil bahagian pada kejohanan Equestrian Antarabangsa TNB 2001 ini yang terbahagi kepada dressage dan showjumping.

"Usaha mempromosi sukan ini perlu terus ditingkatkan dengan menganjurkan lebih banyak pertandingan," katanya.

Mengenai prestasi pasukan Malaysia untuk Sukan Sea September ini, Dr Mahathir berharap mereka akan memenangi pingat pada sukan itu yang akan berlangsung di Malaysia.

"Saya nampak semakin baik. (Malah) nampak pertandingan ini dari segi dressage sudah bertaraf dunia," katanya.

Sebelum itu, Dr Mahathir menyampaikan hadiah kepada pemenang acara showjumping pada kejohanan equestrian itu yang dimenangi anak tempatan Qabil Ambak, manakala tempat kedua dimenangi Nina Melkonian dari Jerman dan ketiga Cholada Weber dari Thailand.

Pengerusi TNB, Datuk Dr Jamaludin Jarjis ketika ditemui kemudian berkata pihaknya sedang berbincang dengan Kelab Equestrian Polis untuk mengenal pasti tempat untuk mewujudkan trek endurance itu.

Katanya, jarak trek itu akan dibuat sehingga melebihi 100km mengikut kategori peringkat antarabangsa.

"Kita hendak buat tahun ini, cadangan tempat bermulanya sedang dikenal pasti tetapi tempat ia berakhir adalah di Putrajaya," katanya.
(END)